

Kopi Pahit

Biasanya di mana-mana tempat yang mencadangkan sesuatu yang berkaitan dengan agama adalah dibawa oleh orang-orang Melayu dan bangsa lain dari agama lain membangkang. Tetapi keadaan sekarang berlainan – orang asing membawanya - orang asing membahasnya – orang Islam berdiam sahaja. Ini terjadi dalam masalah minuman keras di majlis-majlis rasmi kerajaan yang dibawa oleh Tuan Seenivasagam – yang membahaskan usulnya ialah orang Cina – orang Melayu tukang dengar – *Masya-Allah* **terbalik** kata Almarhum Haji Abdul Rahim Kajai.

* * *

Seorang penulis di Straits Times telah menegur Tuan Lim Yoo Huk: kenapa dahulu tatkala Sukarno terlepas daripada lemparan bom tangan ia menghantar telegram perihatannya kepada Sukarno sedang sekarang Sukarno dengan cara tidak demokratik telah mengambil harta-harta Belanda ia tidak menulis membantahnya? Pendapat penulis ini betul! Tetapi juga harus Tuan Lim Yoo Huk betul pula kerana ia tahu Sukarno hendak “berehat” keluar negeri. Makna “berehat” dalam politik bung banyak – adakah berehat terus bersara – juga jadi soalan, bung. Kerana kuasa tentera Indonesia sekarang menjadikan khabar-khabar yang benar tidak sampai.

* * *

Bung Abdul Samad bin Haji Ismail, penulis Utusan Melayu di Jakarta, setelah lama senyap telah menulis baharu-baharu ini menyampaikan berita-berita menegakkan benang basah Indonesia (golongan Sukarno) tentang langkah-langkah

yang diambil oleh pekerja-pekerja dari pihak Komunis yang dicerca oleh dunia dan oleh bangsa Indonesia sendiri.

Apakah ini ada pertaliannya dengan keadaannya sendiri supaya selamat dan mendapat kehormatan – tidaklah di ketahui tetapi sepanjang yang lazim kalau mau kekal-di rumah orang “mestilah berkelakuan baik” – tidakkah begitu,

Bung Samad?

* * *

Sifat orang Islam, di dalam sesuatu hal, adalah menyeru kepada berbuat baik dan menegah daripada kejahatan. Berbuat baik kepada sekalian orang dan menegah kejahatan bagi sekalian orang. Oleh yang demikian mana-mana hal yang berlawanan dengan perikemanusiaan, wajib dibanteras, dan mana-mana yang berperikemanusiaan wajib disokong. Dengan dasar ini, melihat daripada akibat-akibat yang terjadi kepada umat Indonesia sekarang, langkah Tengku Abdul Rahman membantu umat Indonesia adalah suatu langkah yang mesti disokong dan patut dipuji kerana umat di sana sekarang sangat-sangat menderita.

* * *

Banyak orang sekarang tidak berkenan tentang perselisihan yang berbangkit di antara Tuan Mufti Johor dan Tuan Hasan Bandung yang disiarkan dengan hebatnya tiap-tiap Jumaat di Akhbar Melayu tempatan. Mereka berpendapat: sekarang masa berkerja - berkerjalah sungguh-sungguh di dalam menegakkan agama – bukan masa tuduh menuduh. Tetapi bolehkah perkara yang sudah berapa lamanya senyap ini kalau satu pihak terus menerus menuduh? Oleh yang demikian ada orang suka kalau kedua-dua yang berkenaan itu berhadapan – boleh dapat ketentuan sebab jika di dalam akhbar sebagaimana yang ada, belum lagi tentu satu-satu hal-yang satu lagi timbul. Apa rahsianya akhbar berbuat begitu? Kalau mau tau tanya:.....Cemeti al-Farouq.